

(2) Bab Mencari Tempat Sesuai Untuk Buang Air Kecil (Kencing).¹⁵

r.a. telah ikut serta dalam perjanjian 'Aqabah kedua bersama ayahnya. Beliau juga telah ikut serta bersama Rasulullah s.a.w. dalam sembilan belas peperangan. Di akhir hayatnya Jābir bin 'Abdillāh telah buta dan beliau meninggal dunia di Madinah pada tahun 78/79H ketika berumur sembilan puluh empat tahun. Sembahyang jenazah beliau diimami Abān bin 'Utsmān bin 'Affān r.a. Jābir bin 'Abdillāh r.a. adalah Shahābat yang terakhir meninggal dunia di Madinah.

¹⁴ Begitulah amalan kebiasaan Rasulullah s.a.w. dalam perjalanan atau ketika di tempat terbuka, sebelum tandas-tandas dibina di dalam rumah atau di tempat-tempat yang berdekatan dengan rumah-rumah. Adapun di dalam bangunan atau kawasan-kawasan perumahan, maka ada hadits menunjukkan Nabi s.a.w. juga telah membuang air di dalam rumah, sebagaimana diriwayatkan oleh Ibnu 'Umar dan sebagaimana tersebut di dalam Bab Kebenaran Menghadap Qiblat (ketika buang air) akan datang.

Hadits ini bertaraf dha'if. Selain Abu Daud, ia diriwayatkan juga oleh Ibnu Majah dan ad-Daarimi. Bagaimanapun ia mempunyai syawahid yang banyak, antaranya hadits sebelum ini.

Hadits ke-2 di atas dikemukakan oleh Imam Abu Daud dengan maksud menjelaskan erti "akan pergi jauh" yang tersebut di dalam hadits pertama.

Antara pengajaran, panduan, pedomam dan hukum-hakam yang terdapat di dalamnya ialah:

(1) Di kawasan perkampungan dan tempat-tempat terbuka seseorang hendaklah pergi jauh dari pandangan orang ramai untuk membuang air. Di bandar-bandar atau rumah-rumah yang ada tandas khusus yang cukup tertutup pula tidaklah perlu pergi jauh-jauh untuk qadha' hajat.

(2) Amalan Nabi s.a.w. jelas menggambarkan fitrah kemanusiaan dan ajaran Islam yang cukup menjaga kemaluan daripada dilihat dan dipandang orang.

(3) Islam mengajar umatnya menjaga kebersihan alam sekitar terutamanya di kawasan-kawasan yang ramai penduduknya.

(4) Hadits ini dan hadits-hadits seumpamanya jelas menunjukkan Nabi s.a.w. seperti manusia lain daripada segi terikat dengan tuntutan-tuntutan kemanusiaan yang semulajadi.

(5) Sifat malu Nabi s.a.w. dapat dilihat dengan jelas melalui hadits-hadits seperti ini.

(6) Para sahabat begitu mengambil berat tentang apa sahaja yang berlaku kepada Rasulullah s.a.w. atau dilakukannya. Segala perbuatan Baginda diingat dengan baik oleh mereka untuk disampaikan kepada generasi kemudian.

¹⁵ Ini adalah bab kedua berhubung dengan adab istinja' (membuang air). Bab sebelum ini umum merangkumi adab membuang air besar dan juga air kecil, sementara bab ini pula lebih khusus, kerana ia berbicara tentang membuang air kecil.

٣ - حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا حَمَّادُ أَخْبَرَنَا أَبُو النَّيَّاحِ قَالَ حَدَّثَنِي شَيْخٌ قَالَ لَمَّا قَدِمَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبَّاسٍ الْبَصْرَةَ فَكَانَ يُحَدِّثُ عَنْ أَبِي مُوسَى فَكَتَبَ عَبْدُ اللَّهِ إِلَيَّ أَبِي مُوسَى يَسْأَلُهُ عَنْ أَشْيَاءَ فَكَتَبْتُ إِلَيْهِ أَبُو مُوسَى إِنِّي كُنْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ فَأَرَادَ أَنْ يَقُولَ فَأَتَى دِمِثًا فِي أَصْلِي جِدَارٍ فَبَالَ ثُمَّ قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَادَ أَحَدُكُمْ أَنْ يَقُولَ فَلْيَرْتَدِّ لِبَوْلِهِ مَوْضِعًا.

3 - Musa bin Isma'il¹⁶ meriwayatkan kepada kami, katanya: Hammād¹⁷ meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu at-Tayyāh¹⁸ meriwayatkan kepada

Perkataan (المكان) يتبوا pada asalnya bererti mengambil atau mencari tempat yang sesuai untuk didiami atau diduduki. يتبوا لبلوله pula bererti seseorang mengambil atau mencari tempat yang sesuai untuk ia kencing (membuang air kecil).

Hadits di bawah bab ini menunjukkan tempat yang sesuai untuk membuang air kecil ialah yang lembut dan tidak menyebabkan air kencing mengalir kepada orang yang kencing atau tidak memercik dan berterbangan sehingga mengenai mana-mana bahagian tubuh orang yang kencing itu sendiri atau pakaiannya.

Di sini timbul satu persoalan, apakah hukum percikan air kencing yang mengenai tubuh, pakaian seseorang atau air yang sedikit? Ibnu Ruslān menukulkan kata-kata ar-Rāfi'e bahawa menurut zahir mazhab Syafi'e, ia tidak dimaafkan (menajiskan), sama ada yang terkena pada tubuh, pakaian atau air yang sedikit. An-Nawawi pula berpendapat, ia dimaafkan kerana sukar dielak dan boleh menimbulkan kesukaran. Menurutnya, itulah pendapat yang paling sahih dalam mazhab Syafi'e. (Lihat Ibnu Ruslān- Syarh Sunan Abi Daud j.1 m/s 313).

Menurut mazhab Ḥanafī, percikan air kencing dimaafkan jika terkena mana-mana bahagian tubuh atau pakaian orang yang kencing, tetapi tidak dimaafkan jika termasuk ke dalam air yang sedikit. Air itu akan menjadi najis. Sebabnya ialah cecair seperti air akan terkesan dengan kenajisannya, berbeza keadaanya dengan pakaian atau mana-mana bahagian tubuh seseorang. Demikianlah tersebut di dalam kitab ad-Durru al-Mukhtār. (Lihat Maulana Muhammad 'Aāqil - ad-Durru al-Mandhūd Syarh Sunan Abi Daud j.1 m/s 86).

¹⁶ At-Tamīmī al-Minqarī at-Tabūdzakī al-Bashrī, al-Ḥāfīz, al-Ḥujjah, salah seorang tokoh dan perawi tsiqah yang hadits-haditsnya terdapat di dalam keenam-enam kitab utama hadits. Abu Salamah adalah kunyahnya. Musa bin Isma'il meriwayatkan hadits daripada Hammād bin Salamah dan ramai lagi tokoh-tokoh hadits yang lain.

Daripada Syu'bah beliau meriwayatkan hanya satu hadits sahaja. Daripada Hammad bin Zaid juga hanya satu hadits diriwayatkannya. Hadits berkenaan adalah yang ketiga tersebut di bawah نسيها أو صلاة di dalam Sunan Abi Daud ini. Sanadnya ialah ... حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا حَمَّادٌ عَنْ ثَابِتٍ... Hadits itu dengan sanad yang sama telah diriwayatkan oleh Tirmidzi dan Nasaa'i. Di dalam isnad mereka berdua tersebut dengan jelas زيد بن زائد. Itulah satu-satunya hadits beliau daripada Hammad bin Zaid.

kami, katanya: Seorang Syeikh¹⁹ meriwayatkan kepadaku, katanya: Bila 'Abdullah bin 'Abbaas²⁰ datang ke Bashrah, diceritakan kepadanya hadits-

Imam Bukhari, Abu Daud dan Ibnu Ma'in adalah antara tokoh yang meriwayatkan hadits daripadanya. Abu Haatim dan Ibnu Sa'ad berkata, "Dia tsiqah". Yahya bin pula berkata, "Tsiqah, ma'mun". Kata Ibnu Khirasy: "Orang-orang mentajrifkannya (mendiskreditkannya)". Kata Hafizh Ibnu Hajar: "Kata-kata Ibnu Khirasy itu tidak perlu dihiraukan". Musa bin Isma'il meninggal dunia pada tahun 223 Hijrah.

¹⁷ Bin Salamah bin Dinar al-Bashri, Abu Salamah adalah kuniahnya. Beliau seorang perawi tsiqah lagi 'abid. Di akhir hayatnya ingatan Hammad telah banyak terjejas. Kata Ibnu Hibbaan, "Tidak adil orang yang menjauhi haditsnya, sedangkan ia berhujah dengan Abu Bakr bin 'Ayyasy di dalam kitabnya. Jika ia meninggalkannya kerana dia tersalah, orang-orang lain yang seangkatannya juga ada tersalah, seperti ats-Tsauri, Syubah dan lain-lain. Jika ia menda'wa tersalahnya banyak sehingga berubah (ingatannya), maka kesalahan seperti itu juga ada pada Abu Bakr bin 'Ayyasy.

Hafizh Ibnu Hajar berkata, "Ibnu Hibbaan menyindir Bukhari kerana tidak mahu menerima hadits Hammad bin Salamah. Kata beliau: "Tidak adil orang yang tidak mahu berhujah dengan hadits-hadits Hammad bin Salamah, sedangkan ia berhujah dengan hadits orang seperti Fulaih dan 'Abdur Rahman bin 'Abdillah bin Dinar."

Kata al-Baihaqi, "Hammad bin Salamah adalah salah seorang imam orang-orang Islam, cuma bila dia tua, ingatannya terjejas. Kerana itu Bukhari meninggalkannya. Adapun Imam Muslim, beliau berusaha dan mengambil hadits Hammad daripada Tsabit yang didengarinya sebelum berupah ingatannya. Hadits Hammad daripada selain Tsabit yang tidak sampai dua belas buah pula hanya dikemukakannya sebagai syawahid sahaja."

Hammad bin Salamah meninggal dunia pada tahun 167 Hijrah.

¹⁸ Yazid bin Humaid ad-Dhuba'i al-Bashri. Kata Ahmad tentangnya, "Tsiqah, tsabt (teguh)." Abu at-Tayyafh meninggal dunia pada tahun 128 Hijrah.

¹⁹ Syaikh ini seorang yang majhul, tidak diketahui apa namanya dan bagaimana pula keadaannya. Di dalam Musnad Ahmad, tersebut bahawa Abu at-Tayyafh berkata, "Seorang lelaki hitam yang tinggi meriwayatkan kepadaku". Hanya sekadar itu sahaja keadaan Syeikh tersebut diceritakan oleh Abu at-Tayyafh. Dan itu masih tidak dapat mengeluarkannya daripada lingkaran jahalah.

²⁰ Beliau ialah 'Abdullah bin 'Abbaas bin 'Abdil Mutthalib bin Hasyim. Kuniahnya ialah Abul 'Abbaas. 'Abdullah bin 'Abbaas adalah sepupu Nabi s.a.w. Ibunya bernama Ummul Fadhl Lubabah binti al-Hariths al-Hilaliyyah. 'Abdullah bin 'Abbaas dilahirkan tiga tahun sebelum Hijrah Nabi s.a.w. ketika Banu Hasyim dipulau oleh orang-orang Quraisy. Ketika Nabi s.a.w. wafat beliau baru berumur 13 tahun. Khalifah bin Khayyath menyebutkan bahawa beliau dilantik oleh 'Ali sebagai gabenor di Bashrah. Dan beliau terus memegang jawatan itu sehingga 'Ali terbunuh. 'Abdullah bin 'Abbaas meninggal dunia di Tha'if pada tahun 68 Hijrah.

hadits daripada Abi Musa.²¹ Pernah beliau menulis surat kepada Abu Musa untuk menanyakan kepadanya tentang beberapa perkara.²² Maka Abu Musa membalas suratnya itu (dengan menulis), Sesungguhnya saya pernah bersama Rasulullah s.a.w. pada suatu hari, lalu Baginda hendak membuang air kecil, maka Baginda pergi ke tempat yang bertanah lunak di bahagian bawah dinding,²³ lalu kencing (di situ), kemudian Baginda s.a.w. bersabda, “Apabila seseorang daripada kamu hendak membuang air kecil, maka hendaklah dia mencari tempat yang sesuai untuknya.”²⁴

²¹ Beliau ialah ‘Abdullah bin Qais bin Sulaiman bin ‘Haddhār bin ‘Harb al-Asy’ari. Mengikut pendapat kebanyakan ‘ulama’, Abu Musa tidak berniat hendak berhijrah ke Habasyah, beliau sebenarnya hendak berhijrah ke Madinah, cuma kapal yang dinaikinya dipukul angin sehingga sampai ke pelabuhan Habasyah. Pada ketika itu secara kebetulan kapal Abu Musa bertemu dengan kapal yang dinaikai Ja’far bin Abi Thalib dan sahabat-sahabat lain yang hendak berangkat ke tanah arab, maka Abu Musa turut bersama mereka.

Nabi s.a.w. pernah melantik Abu Musa sebagai pagawainya di Zubaid dan ‘Adan, Yaman. Kemudian ‘Umar melantiknya sebagai gabenor di Bashrah menggantikan al-Mughirah. Kemudian ‘Utsman melantiknya sebagai gabenor Kufah. Abu Musa terkenal dengan suaranya yang merdu, terutamanya apabila beliau membaca al-Qur’an. Abu Musa meninggal dunia di Kufah pada tahun ke-44 Hijrah.

²² Termasuk tentang beberapa hadits yang diriwayatkan oleh penduduk Bashrah kepadanya daripada Abu Musa al-Asy’ari. Abu Musa pada ketika itu tiada di Bashrah. Sekiranya beliau berada di Bashrah, tidak perlu lagi Ibnu ‘Abbaas menulis surat kepadanya.

²³ Terdapat beberapa pandangan ‘ulama’ berhubung dengan perbuatan Nabi s.a.w. membuang air kecil di bahagian bawah dinding yang tersebut di dalam hadits ini:

(1) Mungkin sekali dinding itu ialah dinding runtuh bangunan lama yang tidak dimiliki sesiapa pun, sekira-kira air kencing tidak akan menjejaskannya. Ini kerana Rasulullah s.a.w. tidak akan bertindak atau melakukan sesuatu terhadap milik orang lain tanpa izin tuannya.

(2) Mungkin juga ia bermaksud membuang air di tempat yang berdekatan dengan satu dinding, bukan betul-betul mengenai dinding sehingga boleh menjejaskannya.

(3) Baginda s.a.w. bertindak begitu kerana telah pun mengetahui kebenaran tuannya.

²⁴ Antaranya ialah tempat yang tidak membuatkan air kencing berpercikan dan berterbangan sehingga mengenai paha, kaki atau mana-mana bahagian tubuh orang yang kencing atau pakaiannya. Ini adalah salah satu adab membuang air kecil yang disepakati para ‘ulama’ tentang istiḥbābnya.

Kesesuaian hadits ini dengan tajuk babnya amat jelas sekali. Ia diriwayatkan juga oleh Imam Ahmad di dalam Musnadnya daripada Abi at-Tayyāh. (Lihat Musnad Ahmad

j.4 m/s 396 & 414). Oleh kerana Abu at-Tayyāh meriwayatkannya daripada seorang Syeikh yang tidak diketahui siapa namanya dan bagaimana keadaan peribadinya, maka ia dianggap sebagai seorang perawi majhul. Kerana itulah hadits ini dihukum sebagai dha'if oleh para 'ulama' hadits. Antaranya Imam an-Nawawi di dalam kitabnya al-Majmū' (j.2 m/s 83) dan asy-Syaukāni di dalam kitabnya Nailul Authār (j.1 m/s 116).

Walaupun hadits ini dha'if, namun isi kandungan matannya sahih. Ini kerana menjaga diri daripada terkena air kencing itu sangat dituntut. Seseorang hendaklah mencari tempat yang terlindung dari pandangan orang ramai untuk membuang air. Orang yang tidak menjaga dirinya daripada terkena air kencing sendiri sekalipun diseksa di dalam kubur berdasarkan beberapa hadits yang sahih, termasuk dua hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbaas sendiri. Lihat hadits beliau yang dimaksudkan itu di bawah ini:

(١) عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقَبْرَيْنِ فَقَالَ إِنَّهُمَا لَيُعَذَّبَانِ وَمَا يُعَذَّبَانِ فِي كَبِيرٍ أَمَّا أَحَدُهُمَا فَكَانَ لَا يَسْتَتِرُ مِنَ الْبَوْلِ وَأَمَّا الْآخَرُ فَكَانَ يَمِثِّي بِالنَّمِيمَةِ ثُمَّ أَخَذَ جَرِيدَةً رَطْبَةً فَشَقَّهَا نِصْفَيْنِ فَغَرَزَ فِي كُلِّ قَبْرٍ وَاجِدَةً قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ لِمَ فَعَلْتَ هَذَا قَالَ لَعَلَّهُ يُخَفَّفُ عَنْهُمَا مَا لَمْ يَتَبَسَّ

Bermaksud: Ibnu 'Abbaas meriwayatkan, katanya: "Nabi s.a.w lalu dekat dua buah kubur, Baginda bersabda: "Kedua-dua penghuninya sedang diseksa, mereka tidak diseksa kerana sesuatu perkara yang besar. Seorang daripada mereka berdua ini tidak menjaga dirinya daripada air kencing, manakala yang seorang lagi suka mengacum". Kemudian Nabi s.a.w mengambil pelepah kurma. Setelah dibelah dua, tiap-tiap satu daripadanya dipacak pada kedua-dua kubur itu. Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah! Kenapa engkau lakukan begini?". Nabi s.a.w menjawab: "Mudah-mudahan akan diringankan azab kedua-duanya selama pelepah ini tidak kering." (Hadits riwayat Bukhari dan Muslim).

(٢) عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «إِنَّ عَامَّةَ عَذَابِ الْقَبْرِ مِنَ الْبَوْلِ فَتَرَهُوا مِنَ الْبَوْلِ».

Bermaksud: Ibnu 'Abbaas meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya kebanyakan azab kubur adalah kerana air kencing. Oleh itu jagalah dirimu daripada terkena air kencing." (Hadits riwayat ad-Daaraquthni, al-Haakim, al-Bazaar dan at-Thabaraani di dalam al-Mu'jam al-Kabīr).

Beberapa pedoman dan panduan daripada hadits:

- (1) Keharusan meriwayatkan hadits yang diterima melalui surat atau tulisan.
- (2) Orang yang mahu membuang air hendaklah mencari tempat yang sesuai untuknya. Antara tempat yang sesuai untuk membuang air kecil ialah tanah gembur yang lembut supaya air kencing tidak memercik atau berterbangan sehingga mengenai mana-mana bahagian tubuh atau kain yang dipakai.
- (3) Islam adalah agama yang mengajar penganutnya supaya hidup bersih zahir dan batin. Mereka diajar tentang apa yang najis dan kotor, mereka juga diajar cara-cara memelihara diri daripada sesuatu yang kotor dan cara-cara membersihkannya.